

R 8867 BAH
RAZALEIGH - MAHATHIR

PARIT RAJA, 7 OKT (BERNAMA) -- ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN SUA MUSANG, TENGGU RAZALEIGH HANZAH, BERKATA BELIAU DAN DATUK MUSA HITAM SEDIA BERUNDING DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN ENCIK GHAFAR BABA MENGENAI PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU.

PARA PENINPIN BADAN-BADAN MELAYU YANG LAIN JUGA PERLU DIAJAK BERUNDING SAMA KERANA MASALAH SEKARANG INI MELIBATKAN KESELURUHAN KAMU MELAYU, KATANYA SEKASA BERUCAP PADA SATU PERJUMPAAN, YANG TURUT DIHADIRI OLEH DATUK MUSA DAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN JOHOR BAHRU, DATUK SHAHRIR ABDEL SAMAD, DI SINI LENAT PETANG SEMALAM.

BELIAU BERKATA SATU USUL AKAN DIKEMUKAKAN DI DEWAN RAKYAT DALAM PERSIDANGANNYA YANG AKAN DATANG UNTUK MEMINDA AKTA PERTUBUHAN, 1966 BAGI MENGHIDUPKAN SEMULA UMNO LAMA.

+KALAU KITA TIDAK BERJAYA DI PARLIMEN, USAHA SELANJUTNYA IALAH DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG,+ KATANYA.

MENGENAI PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NESERI KAWASAN PARIT RAJA PADA 20 OKT INI, TENGGU RAZALEIGH BERKATA IA ADALAH SATU UJIAN TERHADAP PERJUANGAN MENGHIDUPKAN SEMULA UMNO LAMA DAN MENAMBAH KATA, +TUJUAN KITA BUKANLAH MAHU MENUBANGKAN KERAJAAN TETAPI MAHU MEMUNTUT KEADILAN DAN MENYATUPADUKAN UMAT MELAYU.+

BELIAU YAKIN HAJI HAMDAN YAHYA, CALON BEBAS YANG DISOKONG OLEH KUMPULAN UMNO LAMA, AKAN MENANG DENGAN MAJORITI BESAR. -- BERNAMA/AJ
1210MST 07 10 88